

MANFAAT RANGKUMAN KEWANGAN TERHADAP PRESTASI PERNIAGAAN MIKRO DI TERENGGANU

BENEFITS OF FINANCIAL INCLUSION TOWARDS PERFORMANCE OF MICRO BUSINESSES IN TERENGGANU

Nur Aimi Sulaiman¹
Prof Madya Dr. Mohd Abdullah Jusoh²
Prof Madya Dr. Norlia Mat Norwani³

^{1,2,3} Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak,

¹Email: aimisulaiman907@gmail.com

²Email: mohd.abdullah@fpe.upsi.edu.my

³Email: norlia@fpe.upsi.edu.my

Accepted date: 25-06-2019

Published date: 01-07-2019

To cite this document: Sulaiman, N. A., Jusoh, M. A., & Mat Norwani, N., (2019). Manfaat Rangkuman Kewangan Terhadap Prestasi Perniagaan Mikro di Terengganu. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 4(20), 86 - 96.

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti manfaat rangkuman kewangan (ketercapaian kemudahan kewangan, penggunaan akaun simpanan, dan penggunaan kemudahan kredit) terhadap prestasi perniagaan mikro di negeri Terengganu. Reka bentuk penyelidikan kuantitatif dipilih untuk menjawab dua hipotesis kajian. Tiga pembolehubah digunakan untuk mengukur manfaat rangkuman kewangan iaitu ketercapaian kemudahan kewangan, penggunaan akaun simpanan, dan penggunaan kemudahan kredit. Manakala dua pembolehubah lain digunakan untuk mengukur prestasi perniagaan mikro iaitu pulangan modal dan pulangan jualan. Kajian ini melibatkan 350 responden yang mewakili pertubuhan perniagaan mikro di sekitar negeri Terengganu. Dapatan kajian menunjukkan kewujudan manfaat rangkuman kewangan antara penggunaan akaun simpanan dan pulangan jualan. Ini membuktikan bahawa responden lebih memilih peningkatan prestasi jangka masa pendek kerana mereka mendapatkan pulangan jualan tanpa mengambil kira pulangan modal yang merupakan peningkatan prestasi jangka masa panjang. Selain itu, dapatan kajian lain menunjukkan bahawa terdapat manfaat rangkuman kewangan antara penggunaan kemudahan kredit dan pulangan jualan dan pulangan modal. Sebagai implikasi, responden mempunyai risiko perniagaan yang tinggi dalam usaha meningkatkan prestasi perniagaan kerana dalam hal ini, kemudahan kewangan dalam bentuk kredit lebih diberikan keutamaan berbanding penggunaan akaun simpanan. Namun begitu, kajian itu bersetuju bahawa terdapat faktor-faktor lain yang mendorong prestasi perniagaan mikro selain daripada dimensi rangkuman kewangan. Oleh itu, kajian lanjut yang lebih terperinci terhadap faktor-faktor lain dalam mengukur manfaat rangkuman kewangan dan prestasi perniagaan mikro perlu dipertimbangkan sewajarnya.

Kata kunci: Rangkuman kewangan, prestasi perniagaan mikro, akaun simpanan, kemudahan kredit

Abstract: *This study aimed at identifying financial inclusion benefits (accessibility to financial facilities, use of savings account and use of credit facility) on the performance of micro businesses in the state of Terengganu. A quantitative research design was employed to answer three research questions and three hypotheses. Three variables were tested to measure the financial inclusion specifically accessibility to financial facilities, use of savings account, and use of credit facilities. Meanwhile, other two variables were tested to measure the performance of micro businesses namely return on capital and sales returns. This study involved a total of 350 respondents representing micro business organizations around the state of Terengganu. The finding showed that there was a financial inclusion benefit between the use of savings account and sales returns. This suggested that respondents preferred performance improvements in the short term as they were happy with sales returns instead of return on capital which was a performance improvement in the long term. In addition, another finding confirmed that there was a financial inclusion benefit between the use of credit facilities with sales returns and return on capital. As an implication, respondents were at high risks as they preferred financial facilities in the form of credits as opposed to the use of savings account when it came to improve their business performance. However, the study optimistically agreed that there were other factors driving the performance of micro businesses apart from financial inclusion dimensions. Hence, more detailed study of other factors in measuring the financial inclusion benefits and micro business performance should be considered accordingly.*

Keywords: *Financial inclusion, micro business performance, savings account, credit facility*

Pengenalan

Rangkuman kewangan merujuk kepada penawaran produk dan perkhidmatan kewangan melalui institusi perbankan kepada golongan yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan (golongan yang terkecuali) khususnya isi rumah dan firma-firma kecil (Sahay et al., 2015). Berdasarkan laporan dari Bank Negara Malaysia, BNM (2016), rangkuman kewangan dianggap sebagai salah satu alat terpenting dalam memacu pertumbuhan ekonomi. Tambahan pula, rangkuman kewangan bukan sahaja digunakan secara meluas dan memberi manfaat kepada golongan yang berpendapatan rendah, malah, ia dapat juga diakses secara meluas oleh perniagaan kecil dan sederhana termasuk perniagaan mikro (PKS). Rangkuman kewangan ini disediakan kepada semua bentuk perniagaan kerana setiap satu daripada mereka berupaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Kerajaan bersama BNM telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan perniagaan mikro mendapat manfaat rangkuman kewangan (BNM, 2016). Pelbagai usaha telah dilakukan agar perniagaan mikro mendapat akses terhadap perkhidmatan kewangan supaya pertumbuhan ekonomi menjadi mampan dan saksama sesuai dengan objektif pemberiannya. Oleh yang demikian, BNM telah memperkenalkan Rangka Kerja Rangkuman Kewangan iaitu pelan komprehensif yang menentukan strategi dalam mengekalkan rangkuman kewangan sepanjang dekad dan tahun-tahun seterusnya (BNM, 2015).

Selain itu, pelbagai saluran penyampaian telah diperkenalkan bagi memastikan akses yang bersifat meluas kepada perkhidmatan kewangan. Salah satu daripada mereka adalah penubuhan pusat perkhidmatan sehenti yang memberi khidmat nasihat mengenai hal-hal

kewangan kepada orang ramai. Produk dan perkhidmatan perbankan asas serta pembiayaan mikro turut disediakan pada kos yang berpatutan oleh insititusi kewangan kepada perniagaan mikro. BNM juga dalam masa sama menyediakan sokongan infrastruktur seperti biro kredit bagi memudahkan operasi kewangan atau pemberian pinjaman (BNM, 2015). BNM turut menggalakkan penggunaan teknologi bagi meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kewangan. Pelbagai usaha telah dimulakan oleh kerajaan bagi memastikan semua golongan mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan termasuk insentif pembiayaan berterusan kepada perniagaan mikro. Tambahan pula, selari dengan usaha ini, institusi-institusi khusus untuk memantau pembangunan perniagaan mikro telah ditubuhkan oleh BNM selain pengukuhan agensi-agensi yang menyediakan perkhidmatan kewangan, serta diwujudkan dana dan skim pembiayaan khas (BNM, 2016).

Pernyataan Masalah


Perniagaan mikro merupakan antara item yang terpenting dan perlu dititikberatkan ketika merangka polisi-polisi pembangunan ekonomi di pelbagai negara khususnya di Malaysia (Azizi & Syed Mazlan, 2011). Melalui pembentangan Bajet 2016, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak; Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, telah menekankan kepentingan perniagaan mikro dalam membangunkan rantai nilai perniagaan kerana ia dijangka menyumbang kepada 41% keluaran dalam negara kasar (KDNK) menjelang tahun 2020 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2016). Tambahan pula, kajian yang dilakukan oleh Rosli, Abdullah dan Shuhymee (2014) menunjukkan bahawa perniagaan mikro berjaya meningkatkan KDNK Malaysia daripada 28.1% pada tahun 2003 kepada 31.9% pada tahun 2010, dan seterusnya menjadi 32% pada tahun 2012. Oleh itu, usaha berterusan giat dijalankan bagi mendorong usahawan agar menceburi bidang perniagaan.

Namun begitu, kebanyakan usahawan PKS berdepan dengan masalah kewangan (Mori et al., 2009; Ermi dan Lim, 2001; Mohd Nor, 2003). Justeru, kemampuan kewangan telah terbukti menjadi salah satu faktor penentu kejayaan dan kelestarian sesebuah perniagaan (Basu dan Parker, 2001). Kemampuan ini meliputi keupayaan mendapatkan perbelanjaan mengurus dan mengawal sumber kewangan dengan berkesan (Johan & Shepherd, 2003). Tambahan pula, kajian oleh Ermi dan Lim (2001) menyatakan bahawa sumber kewangan merupakan antara halangan-halangan utama yang dihadapi oleh pengusaha perniagaan mikro jika mahu meningkatkan prestasi perniagaan mereka. Terdapat beberapa faktor penyebab perniagaan mikro sukar mendapatkan sumber kewangan sebagai suntikan modal untuk perniagaan mereka. Antaranya adalah ketiadaan cagaran atau penjamin yang sesuai (Mori, Kasim, Dullah Mulok, & Wilson, 2009) dan kadar faedah yang dikenakan untuk pembayaran balik pinjaman tidak disokong oleh kedudukan kewangan mereka. Selain itu, ketiadaan pendedahan yang tepat berkaitan cara untuk mendapatkan kemudahan pinjaman (Mohd Nor, 2003) juga menyukarkan usahawan mikro mendapatkan sumber kewangan.

Hal ini menyebabkan perniagaan mikro hanya bergantung kepada pendapatan yang terhad untuk meningkatkan prestasi perniagaan. Kesan daripada halangan tersebut, prestasi perniagaan mengambil jangka masa yang lama untuk ditingkatkan (Mohd Rosli, 2000). Justeru, apabila halangan-halangan dalam mendapatkan manfaat rangkuman kewangan dapat diatasi, perniagaan mikro akan berupaya dijalankan secara berkesan dan seterusnya prestasinya akan meningkat (Hasnah, Norhafizah, & Sanep, 2010; Md Mohar et al., 2010). Hasil kajian oleh Collins, Murdoch, Rutherford, dan Ruthven (2009) telah membuktikan bahawa tanpa halangan dari segi kos pembiayaan ataupun prosedur yang rumit dalam menggunakan kemudahan kewangan, rangkuman kewangan pasti akan memberi banyak

manfaat kepada perniagaan mikro (Sulaiman & Mohd Saukan, 2007). Namun, dapatan kajian oleh Idris dan Rahmah (2006); serta Norasmah (2002) menunjukkan bahawa peningkatan pendapatan para usahawan mikro masih belum memuaskan kerana mereka masih ketinggalan terutamanya di kawasan negeri Terengganu walaupun pelbagai insentif dan bantuan telah disediakan (Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu, 2017). Berdasarkan rekod YPU (2017), terdapat sebanyak 132 PKS di Kuala Terengganu yang mengusahakan pelbagai jenis perniagaan seperti makanan, kraf tangan, songket dan batik. Persoalannya, adakah manfaat rangkuman kewangan dapat memberi sumbangan dalam meningkatkan prestasi perniagaan mikro di Terengganu?

Kerangka Konseptual



Rajah 1: Kerangka Kerja Kajian

Pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini merupakan dimensi rangkuman kewangan yang terdiri daripada penggunaan akaun simpanan dan penggunaan kemudahan kredit. Kedua-dua dimensi tersebut telah diadaptasi daripada kajian Camara dan Tuesta (2014) yang mengkaji cara mengukur rangkuman kewangan. Manakala pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah prestasi perniagaan mikro di negeri Terengganu. Prestasi perniagaan mikro telah diiktiraf sebagai salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara (Nikina, Shelton & LeLoarne, 2015; Mohamad & Bakar, 2017) dan membuka banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat (Mat Rashid, Che Ngah, Mohamed, & Mansor, 2015). Kebanyakan pengkaji berkaitan dengan keusahawanan bersetuju terhadap tiga perkara yang menerangkan prestasi perniagaan bagi sesebuah perniagaan iaitu kelangsungan, keuntungan dan pertumbuhan (Shuhymee & Abdullah, 2013).

Objektif Kajian

Matlamat kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti manfaat rangkuman kewangan terhadap prestasi perniagaan mikro di Terengganu. Manakala objektif khusus bagi kajian ini ialah:

- a) Untuk mengenalpasti manfaat penggunaan akaun simpanan terhadap prestasi perniagaan mikro di Terengganu
- b) Untuk mengenalpasti manfaat penggunaan kemudahan kredit terhadap prestasi perniagaan mikro di Terengganu

Hipotesis Kajian

H₁: Terdapat hubungan antara penggunaan akaun simpanan dan prestasi perniagaan mikro di Terengganu

H₂: Terdapat hubungan antara penggunaan kemudahan kredit dan prestasi perniagaan mikro di Terengganu

Kajian Literatur

Di Malaysia, secara keseluruhannya, PKS masih lagi kurang efisien dan bersaiz kecil kerana pemilik perniagaan kekurangan modal dan kurang berpengetahuan dalam menguruskan perniagaan menyebabkan sesebuah perniagaan lambat berkembang (Rahmah, 2006). Hasil dapatan kajian oleh Siti Nor Wardatulaina (2011) mengetengahkan bahawa dasar-dasar kerajaan seperti ketersediaan sumber kewangan mempunyai hubungan dengan prestasi perniagaan di Malaysia. Manakala Abu Bakar (2008) dalam kajiannya berkenaan dengan tahap kesampaian kemudahan bantuan kewangan dan kredit kerajaan kepada usahawan di Kedah, mendapati bahawa dasar dan strategi kerajaan secara ketara adalah positif dan 92.9% usahawan bersetuju tentang kepentingan bantuan kerajaan terhadap prestasi perniagaan mereka. Bahkan, bantuan kewangan dan kemudahan kredit tidak dapat dinafikan adalah instrumen penting dalam usaha memajukan usahawan mikro. Temuan kajian itu juga membuktikan bahawa para usahawan yang menerima bantuan mengakui keadaan prestasi perniagaan mereka bertambah baik berbanding sebelumnya. Hal ini kerana sumber kewangan adalah penting untuk membiayai operasi seperti mengembangkan perniagaan, menambah bekalan stok, membesarkan ruang perniagaan ataupun meneroka peluang perniagaan baru (Ahmad Sazmy, 2007). Tambahan pula, sebahagian besar hasil kajian berkaitan keusahawanan mengesahkan kewujudan hubungan antara penggunaan kemudahan kredit dengan prestasi perniagaan (Abdul Suki, 2015; Buerah & Hussin, 2014; Azmi, Nik Hairi, Lee, 2012; dan Mohd Nor Hidayat, 2011). Selain tu, kajian oleh Carpenter dan Petersen (2002) menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara penggunaan kredit dan prestasi perniagaan, terutamanya bagi perniagaan mikro. Kenyataan ini selari dengan kajian oleh Nadzri, Md Shamsudin dan Muhammad Sabri (2014) yang mana terdapat hubungan antara bantuan dan sokongan kerajaan (dari segi faktor kewangan) dengan kejayaan PKS di Malaysia.

Dapatan kajian-kajian lain mendapati bahawa sesebuah perniagaan formal (perniagaan yang berdaftar) lebih cenderung untuk menggunakan perkhidmatan perbankan berbanding perniagaan tidak formal (Clamara, Pena, & Tuesta, 2014). Kesannya, terdapat hubungan antara prestasi perniagaan dengan penggunaan perkhidmatan perbankan. Penggunaan akaun simpanan menggambarkan keyakinan usahawan menyimpan wang dalam akaun simpanan mereka dengan menggunakan wang mudah alih (*mobile money*) kerana ia merupakan pelantar yang terjamin (Haas et al., 2010). Responden dalam kajian mereka mewakili para usahawan tempatan yang sering membuat simpanan tunai mereka setiap hari selepas membuat urusan niaga. Hal ini memberi jaminan keselamatan dan kebebasan kerana urusan perniagaan dan kewangan tidak boleh diakses oleh individu lain selain mereka. Selain itu, kajian oleh Mbogo (2010) terhadap 409 orang usahawan perniagaan mikro di Kenya mendapati bahawa mereka lebih cenderung untuk menggunakan perkhidmatan "*mobile money*" untuk tujuan pemindahan wang kerana ia lebih mudah, memberi kepuasan, menjimatkan kos dan terjamin tahap keselamatannya. Tambahan pula, Abebe, Tekle dan Mano (2016) berpendapat, simpanan merupakan aspek yang penting bagi perniagaan mikro kerana melalui cara ini, modal dapat dikumpulkan bagi mengatasi masalah kekangan kredit yang biasa dihadapi oleh perniagaan mikro.

Metodologi

Populasi bagi kajian ini merupakan usahawan-usahawan mikro di negeri Terengganu. Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2011) menunjukkan terdapat sebanyak 22,514 buah PKS di negeri Terengganu. Namun begitu, populasi perniagaan mikro di negeri Terengganu hanya berjumlah 3898 unit (Yayasan Pembangunan Usahwan, 2017). Justeru itu, dengan menggunakan kaedah persampelan yang betul, penggunaan sampel yang mencukupi akan

mewakili populasi yang sebenar. Berdasarkan pengiraan Krejcie dan Morgan (1970), jika populasi adalah sebanyak 3,898 unit, maka sampel untuk kajian ini adalah sebanyak 350 unit.

Pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah soal selidik sebagai instrumen kajian kerana untuk maklumat lebih mudah diperolehi daripada responden iaitu dengan menjawab soalan kajian. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah kajian di lapangan melalui tinjauan dan temubual secara bersemuka. Kaedah soal selidik dan temubual ringkas dengan para pemilik perniagaan mikro di sekitar daerah Kuala Terengganu dilakukan berdasarkan item-item dalam soal selidik tersebut bagi mengesahkan data yang diperolehi. Tambahan lagi, pengukuran prestasi untuk perniagaan mikro adalah samar kerana ketiadaan rekod urus niaga bertulis yang membawa kepada keraguan data yang diperolehi (Muhd Rashid & Fazlee, 2010). Hal ini kerana maklumat kewangan perniagaan mikro disediakan secara tidak formal yang mana perniagaan mikro tidak mempunyai rekod pengurusan kewangan dan perakaunan mengikut piawaian perakaunan yang ditetapkan (Deakins, Morrison dan Galloway, 2002). Oleh yang demikian, kajian ini mengadaptasi sepenuhnya kaedah pengumpulan data berdasarkan kajian oleh Joshi et al. (2009) yang mana data yang diperolehi akan disusuli dengan beberapa soalan yang lebih terperinci yang membawa kepada perkiraan lebih tepat mengenai prestasi perniagaan mikro.

Dapatan Kajian

Jadual 1: Latar belakang responden

		Jumlah (N)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	160	45.7
	Perempuan	190	54.3
Umur	20-35 tahun	159	45.4
	36-49 tahun	149	42.6
	> 50 tahun	42	12.0
Tahap Pendidikan	Sekolah Rendah	11	3.1
	Sekolah Menengah	124	35.4
	Sijil/Diploma	125	35.7
	Ijazah Sarjana Muda	70	20.0
	Ijazah Sarjana/PHD	20	5.7
Sumber Modal	Simpanan Peribadi	112	32.0
	Pinjaman dari Keluarga	45	12.9
	Pinjaman dari Rakan	16	4.6
	Harta Warisan	13	3.7
	Pinjaman dari Institusi Perbankan Formal (TEKUN, AIM, MARA dan lain-lain)	164	46.9
Tempoh Perniagaan	Kurang daripada 1 tahun	112	32.0
	1- 3 tahun	185	52.9
	4 - 6 tahun	14	4.0
	Lebih daripada 6 tahun	39	11.1

Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden berdasarkan jantina, umur, tahap pendidikan, sumber modal dan tempoh perniagaan dijalankan. Berdasarkan maklumat di atas, didapati bahawa perniagaan mikro dipelopori oleh usahawan mikro perempuan diwakili peratusan sebanyak 54.3% dan individu-individu berumur dalam lingkungan 20 – 35 tahun (45.4%).

Selain itu, 35.7% daripada responden merupakan pemegang Sijil/Diploma. Kajian demografik juga juga mendapati 46.9% daripada responden mendapatkan modal daripada Institusi Perbankan Formal dan tempoh menjalankan perniagaan adalah sekitar 1 – 3 tahun (52.9%).

Jadual 2 : Hubungan antara penggunaan akaun simpanan dan prestasi perniagaan mikro

		Akaun Simpanan
Pulangan Jualan	Kolerasi Pearson	0.308
	Sig. (2-hujung)	0.000
	N	350
Pulangan Modal	Kolerasi Pearson	0.143
	Sig. (2-hujung)	0.007
	N	350

** Kolerasi signifikan pada aras 0.01 (2-hujung)

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat hubungan yang signifikan antara pulangan jualan dan penggunaan akaun simpanan kerana nilai $p = 0.000$, iaitu tidak melebihi nilai $\alpha = 0.01$. Manakala hubungan antara pulangan modal dan penggunaan akaun simpanan didapati tidak signifikan kerana nilai $p = 0.007$ adalah lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.01$. Secara keseluruhannya, terdapat hubungan antara penggunaan akaun simpanan dengan prestasi perniagaan mikro.

Temuan kajian ini selari dengan temuan kajian oleh Haas et al. (2010) yang menyatakan bahawa penggunaan akaun simpanan menggambarkan bahawa usahawan menyimpan wang dalam akaun simpanan mereka dengan menggunakan wang mudah alih (*mobile money*) kerana ia lebih terjamin dari segi tahap keselamatan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini tidak selari dengan kajian oleh Dupas dan Robinson (2013) yang menyatakan bahawa pemilik perniagaan lebih memilih menggunakan kad mesin juruwang automatik (ATM) sebagai simpanan perniagaan bagi tujuan peningkatan prestasi perniagaan tanpa mengambil kira caj pengeluaran yang tinggi. Selain itu, kajian oleh Lusardi (2008) dan Beckmann (2013) menunjukkan penggunaan akaun simpanan tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan prestasi perniagaan mikro.

Tahap pengetahuan pengurusan kewangan yang tinggi memandu pemilik perniagaan mikro untuk terus menyimpan ke dalam akaun simpanan, dan bukannya menggunakan dana kewangan semata-mata untuk meningkatkan prestasi perniagaan sahaja. Lusardi (2008) dalam kajiannya mendapati bahawa proses penyimpanan memerlukan seseorang individu memiliki pengetahuan tentang numerasi, keupayaan untuk mengira nilai semasa dan pemahaman yang jelas tentang kebaikan membuat simpanan pada awal kehidupan. Namun begitu, tahap pengetahuan tentang penggunaan akaun simpanan membantu para pemilik perniagaan menguruskan kewangan mereka bagi tujuan urusan perniagaan dengan cara yang teratur.

Jadual 3 : Hubungan antara penggunaan kemudahan kredit dan prestasi perniagaan mikro

		Kemudahan Kredit
Pulangan Jualan	Kolerasi Pearson	0.426
	Sig. (2-hujung)	0.000
	N	350
Pulangan Modal	Kolerasi Pearson	0.255
	Sig. (2-hujung)	0.000
	N	350

** Kolerasi signifikan pada aras 0.01 (2-hujung)

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pulangan jualan dan kemudahan kredit kerana nilai $p = 0.000$ adalah tidak melebihi nilai $\alpha = 0.01$. Seterusnya, didapati juga terdapat hubungan yang signifikan antara pulangan modal dan penggunaan kemudahan kredit kerana nilai $p = 0.000$, iaitu tidak melebihi daripada $\alpha = 0.01$. Secara keseluruhannya, terdapat hubungan antara penggunaan kemudahan kredit dan prestasi perniagaan mikro.

Dapatan kajian ini selari dengan penemuan kajian oleh beberapa kajian seperti Abdul Suki (2015); Buerah dan Hussin (2014); Azmi et al. (2012); serta Mohd Nor Hidayat (2011) yang mengesahkan kewujudan hubungan antara penggunaan kemudahan kredit dengan prestasi perniagaan. Ini adalah indikator yang jelas bahawa kemudahan kredit amat diperlukan untuk meningkatkan prestasi sesebuah perniagaan, khususnya dalam menaikkan taraf perniagaan mikro ke suatu tahap yang boleh dibanggakan. Tambahan pula, kajian oleh Carpenter dan Petersen (2002) juga menunjukkan terdapat hubungan antara penggunaan kredit dan prestasi perniagaan, terutamanya bagi perniagaan mikro.

Justeru, sumber kewangan yang mencukupi adalah penting untuk membiayai operasi perniagaan seperti mengembangkan perusahaan, menambahkan bekalan stok, membesarkan ruang perniagaan ataupun meneroka peluang perniagaan baru (Ahmad Sazmy, 2007). Kajian melalui dapatannya membuktikan bahawa hubungan antara pulangan jualan dengan prestasi perniagaan mikro adalah lebih kuat iaitu sebanyak 0.426 berbanding hubungan antara pulangan modal dengan prestasi perniagaan mikro iaitu hanya 0.255. Hal ini menggambarkan bahawa usahawan membuat penambahan bekalan stok perniagaan yang seterusnya membawa kepada pulangan jualan yang tinggi. Maka, sumber kewangan tidak dapat dinafikan adalah penting untuk membiayai operasi-operasi perniagaan (Ahmad Sazmy, 2007).

Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil analisis kajian menunjukkan bahawa perniagaan mikro telah mendapat manfaat rangkuman kewangan yang disediakan oleh agensi yang terlibat terutamanya melalui penyediaan kemudahan kredit. Berdasarkan kajian ini, walaupun tidak semua perniagaan mikro mendapat kemudahan kredit, namun pemilik perniagaan jenis ini tetap menggunakan akaun simpanan serta mendapatkan akses kepada kemudahan yang disediakan dalam membuat transaksi urus niaga harian mereka.

Cadangan Kajian Penyelidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti manfaat rangkuman kewangan terhadap prestasi perniagaan mikro di Terengganu. Penyelidik berpendapat bahawa kajian seterusnya perlu meliputi keseluruhan usahawan di negeri Terengganu atau hanya tertumpu kepada daerah tertentu sahaja seperti daerah Dungun, Besut, Setiu dan sebagainya.

Seterusnya, pengkaji juga mencadangkan agar kajian selanjutnya membezakan responden kepada dua jenis iaitu responden yang mendapat pinjaman daripada institusi perbankan formal bagi memulakan perniagaan dan responden yang tidak mendapat pinjaman daripada institusi perbankan formal. Hal ini kerana dapatan kajian akan memberi gambaran yang lebih jelas tentang manfaat rangkuman kewangan dalam kalangan pemilik perniagaan mikro.

Rujukan

- Abebe, G., Tekle, B., & Mano, Y. (2016). *Changing saving and investment behavior: The impact of financial literacy training and reminders on micro-businesses*. CSAE Working Paper WPS/2016-08. U. K.
- Abdul Suki, H. (2015). *Pengaruh motivasi usahawan terhadap prestasi perusahaan kecil dan sederhana: Pengurusan strategik dan faktor utama kejayaan sebagai pengantara*. Tesis Master. Universiti Malaysia Kelantan.
- Abu Bakar, M.R. (2008). *Tahap kesampaian bantuan kewangan dan kredit kerajaan (BKKK) terhadap prestasi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bumiputera di Kedah* (Unpublished Master's Dissertation), Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Ahmad Sazmy, A.A. (2007). *Pembiayaan Perniagaan Kecil dan Sederhana*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Azmi, A. M., Nik Hairi, O., & Lee, Y. K. (2012). Faktor kritikal kejayaan usahawan dalam Perniagaan. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 34-35.
- Azizi, H. & Syed Mazlan, S.M.D. (2011). Peranan kompetensi peluang dan struktur organisasi terhadap prestasi PKS di Utara Malaysia. *Academic Journal UiTM Johor*, 10.
- Bank Negara Malaysia. (2016). *Pembangunan sektor kewangan*. Di petik daripada <http://w2.bnm.gov.my>, pada 23 Jun 2016
- Bank Negara Malaysia. (2015). *Laporan kestabilan kewangan dan sistem pembayaran 2015*. Di petik daripada <http://www.bnm.gov.my>, pada 23 Jun 2016.
- Basu, A. & Parker, S. (2001). Family finance and new business start-ups. *Oxford Bulletin Of Economics And Statistics*, 63(3), 333-358.
- Bekmann, E. (2013). Financial literacy and household savings in Romania. *Advancing Education in Quantitative Literacy*, 6(2), 1-22.
- Buerah, T., & Hussin, S. (2014). Perubahan sikap keusahawanan usahawan Melayu di Malaysia. *Journal of Sciences and Humanities*, 98-116.
- Camara, N. & Tuesta, D. (2014). *Measuring financial inclusion: A multidimensional index*. Working paper, 14/26. Madrid.
- Carpenter, R.E. & Petersen, B.C. (2002). Is the growth of small firms constrained by internal finance? *Review of Economics and Statistics*, 84(2), 298-309.
- Clamara, N., Pena X., & Tuesta, D. (2014). *Factors that matter for financial inclusion: Evidence from Peru*. Working Paper no. 14/09.
- Collins, D., Morduch, J., Rutherford, S., & Ruthven, O. (2009). *Portfolios of the poor: How the world's poor live on \$2 a day*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Deakins, D., Morrison, A., & Galloway, L. (2002). Evolution, financial management and learning in the small firm. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 9(1), 7-16.

- Dupas, P. & Robinson, J. (2013). Savings constraints and microenterprise development: Evidence from a field experiment in Kenya. *American Economic Journal: Applied Economics*, 5(1), 163–192.
- Ermi, L.J. & Lim, K. (2001). The motivation of women entrepreneurs in Singapore. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour and Research*, 3, 93-110.
- Haas, S., Plyler, M.G., & Nagarajan, G. (2010). *Community-level economic effects of M-PESA in Kenya: Initial findings*. Financial services assessment. Iris Center, University of Maryland
- Hasnah, A., Norhafizah, A.R., & Sanep, A. (2010). Faktor mempengaruhi kejayaan usahawan peruncitan Melayu: Satu kajian kes. *Prosiding PERKEM IV*, 2, 141-151
- Idris, J. & Rahmah, I. (2006). Technical efficiency, technological change and total factor productivity growth in Malaysian manufacturing sector. *MPRS Paper*, no. 1956.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2011). *Bancian ekonomi 2010: Profil perusahaan kecil dan sederhana*. Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya, Malaysia.
- Johan, W. & Shephard, D. (2003). Knowledge-based resources, entrepreneurial orientation, and the performance of small and medium-sized businesses. *Strategic management*, 24(13), 1307-1314.
- Joshi, K., Rana, H., & Glenita, A. (2009). *Surveys of informal sector enterprises - Some measurement issues*. Asian Development bank Economics Working Paper Series No. 183.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2016). *Ucapan bajet 2016*. Dipetik daripada <http://www.jkkn.gov.my>, pada 2 Nov 2017.
- Krejcie & Morgan (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lusardi, A. (2008). *Financial literacy: An essential tool for informed consumer choice?* CFS Working Paper No. 2008/19.
- Mat Rashid, K., Che Ngah, H., Mohamed, Z., & Mansor, N. (2015). Success factors among women entrepreneur in Malaysia. *International Academic Research Journal of Business and Technology*, 1(2), 28-36
- Mbogo, M. (2010). The impact of mobile payments on the success and growth of micro-business: The case of M-PESA in Kenya. *The Journal of Language, Technology and Entrepreneurship in Africa*, 2(1), 998-1279.
- Md. Mohar, M., Mior Razman, M. Y., Muhammad Fakhruzazy, M. A., Noorazimah, M. N., Chen, T. C., & Hong, T. N. (2010). Kajian perbandingan keusahawanan bangsa Melayu dan Cina di Johor Bahru. *Persidangan Kebangsaan Pertama Keusahawanan dan Perniagaan Kecil*, Universiti Utara Malaysia.
- Mohamad, M., & Bakar, M. S. (2017). Does work-family conflict affect women entrepreneurial success? *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(3), 566-571.
- Mohd Nor, M. S. (2003). *An evaluation of a government lacked loan scheme in Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia
- Mohd Nor Hidayat, H. (2011). *Faktor bantuan kerajaan yang meningkatkan kejayaan usahawan industri kecil dan sederhana bumiputera di Sabak Bernam, Selangor* (Tesis Sarjana Muda), Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Rosli, M. (2000). *Industri kecil dan sederhana : Landasan pembangunan usahawan*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mori, K., Kasim, M., Dullah, M., & Wilson, A. (2009). Industri kecil dan sederhana (IKS) dan pinjaman kewangan di Sabah: Satu analisis empirikal. *Prosiding PERKEM IV*, 2, 185-198.

- Muhd Rashid, R., & Fazlee, A. (2010). *Tahap pengurusan perniagaan dalam industri kecil dan sederhana (IKS) pengusaha batik di daerah Kota Bharu*. Fakulti Pendidikan.
- Nadzri, S., Md Shamsudin, S., & Muhammad Sabri, M. F. (2014). *Faktor-faktor penyumbang kepada kejayaan dan kegagalan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bumiputera di Malaysia*. Synergizing Knowledge on Management and Muamalah.
- Nikina, A., Shelton, L. M., & LeLoarne, S. (2015) . An examination of how husbands, as key stakeholders, impact the success of women entrepreneurs. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 22(1), 38-62.
- Norasmah, O. (2002). *Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah menengah*, (Tesis Doktor Falsafah), Serdang. Universiti Putra Malaysia.
- Rahmah, I. (2006). *Daya saing usahawan dan syarikat Melayu dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosli, M. S., Abdullah, A.G., & Shuhymee, A. (2014). Kesan sumber pembiayaan ekuiti dan hutang ke atas prestasi perniagaan kecil dan sederhana di Malaysia. *Sains Humanik*, 2(1), 151-157.
- Sahay, R., Cihak, M., N'Diaye, P., Barajas, A., Mitra, S., Kyobe, A., Mooi, Y. N., & Yousefi, S. R., (2015). *Financial inclusion: Can it meet multiple macroeconomic goals?* SDN /15/17.
- Shuhymee, A., & Abdullah, A. G. (2013). Orientasi keusahawanan dan prestasi perniagaan: Pengaruh penyederhana gaya kepemimpinan transformasi. *Jurnal Pengurusan*, 37(2013), 115 – 123.
- Siti Nor Wardatulaina, M.Y. (2011). *Success factors in entrepreneurship: The case study of Malaysia*. Pilot Research Work (Phd Thesis), Department D'Economia De L'Empresa, Universitat Autònoma de Barcelona.
- Sulaiman, N. & Mohd Saukan, M. N. (2007). Modal sosial dalam mempertingkatkan daya saing firma perusahaan kecil dan sederhana (PKS). *IJMS*, 14(2), 93-111.
- Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (2017). Dipetik daripada <https://www.ypu.com.my/sejarah-ypu/>, pada 11 Oktober 2017.